

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 AUGUST 2016

Imbasan kata-kata Dr. Mahathir tentang campur tangan asing

UM - 14/8/2016

APRIL lalu, Tun Dr. Mahathir Mohamad tiba-tiba membuat pusingan U apabila dikatakan meminta campur tangan asing dalam usahanya untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam satu wawancara bersama akhbar Australia, *The Weekend Australian*, kata beliau, hanya tinggal sedikit harapan Najib akan berundur tanpa tekanan luar.

Ini amat berbeza ketika era pentadbiran 22 tahun Dr. Mahathir sebagai perdana menteri.

Waktu itu, beliau sering mengeluarkan kenyataan keras dan pedas menentang sebarang campur tangan asing dalam negara ini.

Perhatikan...

.....

"Hakikatnya ialah sama ada kita ini sebuah negara merdeka dengan pemimpin yang dipilih secara demokratik yang membuat keputusan untuk negaranya atau kita lepas tangan dan biarkan pihak luar yang kepentingannya semata-mata mencari keuntungan untuk menentukan siapa yang harus menjadi pemimpin negara ini. Maksud saya di sini ada pilihan."

■ Dalam sidang akhbar sekembalinya dari lawatan ke Amerika Selatan di Kuala Lumpur.
- 7 OKTOBER 1997

"Yakinlah tiada siapa yang akan membantu kita. Kita sendiri perlu memulihkan ekonomi kita walaupun terpaksa mengambil langkah-langkah drastik."

■ Meminta rakyat Malaysia menyakini tema Hari Kebangsaan ke-41 "Negara Kita Tanggungjawab Kita".
- 1 SEPTEMBER 1998

"Penyaluran dana asing untuk aktiviti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) propembangkang membuktikan wujud campur tangan pihak luar untuk menukar

kerajaan sedia ada kepada kerajaan yang boleh mengikut telunjuk mereka. Modus operandi yang digunakan adalah sama seperti di Libya, Mesir dan negara Arab lain iaitu pihak asing membiayai aktiviti NGO mengapi-apikan rakyat supaya bangkit menentang kerajaan dan melakukan 'perubahan kerajaan'.

■ Ucapan di Dewan Kurnia, Dewan Perhimpunan Cina Kedah, Alor Setar, Kedah berikutan penyaluran dana asing kepada NGO dalam negara.
- 23 SEPTEMBER 2012

"Menjelang Pilihan Raya Umum Malaysia yang ke-10, kami sedang menyaksikan tahap campur tangan asing yang tidak pernah dilihat sejak Pilihan Raya 1964 di mana Indonesia dan pihak komunis cuba menggagalkan pembentukan Malaysia.

"Jika kita membiarkan diri kita diheret menyokong perjuangan yang salah, kita akan menyaksikan kehancuran ikatan perpaduan itu. Kami tidak mahu menjadi satu lagi Kosovo atau Bosnia-Herzegovina."

■ New York.
- 29 SEPTEMBER 1999

"Hari ini kita undang mereka suruh campur tangan, esok jangan marahlah kalau mereka akan menentukan siapa yang akan menjadi presiden, perdana menteri dan menteri, inilah yang telah berlaku di negara lain."

■ Selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin dan ahli UMNO Bahagian Jelebu dan Jempol di Bandar Baru Serting, Negeri Sembilan.
- 31 MAC 2001

"Tetapi kalau selalu undang orang asing campur tangan (dalam negara), janganlah marah pula kalau esok orang asing kuasai negara kita."

■ Rentetan tindakan Kedutaan Singapura dan Indonesia menghantar diplomat masing-masing untuk menghadiri taklimat tertutup Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengenai

isu Datuk Seri Anwar Ibrahim di sebuah hotel di Petaling Jaya pada 29 Mac 2001.

- 6 APRIL 2001

"Di zaman dahulu, orang ini (yang meminta campur tangan asing) dipanggil penderhaka kepada negara tetapi di zaman sekarang nampaknya ada orang yang menganggap perbuatan macam ini mulia."

■ Selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Aeroangkasa Malaysia (MAC) di Bangunan Putra Perdana, Putrajaya.
- 3 JULAI 2001

"Kemerdekaan kita adalah kemerdekaan yang sebenarnya dan bukan kemerdekaan setengah masak yang mana dasar negara ditentukan oleh orang asing".

■ Perutusan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-45.
- 31 OGOS 2002

"Masalah kita ialah kita dapat bad press iaitu sampai sekarang ini pun media asing sengaja memburukkan keadaan dalam Malaysia.

"Sebagai satu contoh, apabila satu kumpulan pelancong Eropah ingin datang ke Malaysia, dalam masa itu juga akhbar melapor bahawa Malaysia bahaya bagi pelancong. Namun demikian, mereka datang juga dan mereka dapati tidak ada apa-apa bahaya di Malaysia.

"Dan juga apabila dilapor dalam akhbar *The Sun* tentang kononnya ada percubaan untuk membunuh

saya dan timbalan saya, akhbar di seluruh dunia melaporkan ini dan ini menyebabkan orang merasa takut kepada Malaysia. Kalau tidak kerana bad publicity ini saya yakin pelancong dan pelabur akan datang berduyun-duyun ke Malaysia."

■ Wawancara bersama Perdana Menteri disiarkan melalui RTM dan Astro.
- 2 JANUARI 2002

"Slogan mereka sekarang ialah regime change (menukar kerajaan)."

Kerana ini tidak berlaku dan negara kita terus aman dan maju maka dituduh kita tidak demokratik dan berpemerintahan kuku besi, diktator."

■ Perhimpunan Agung UMNO.
- 20 JUN 2003

